

**Ekstrak Resolusi Lembaga Pengarah yang Disahkan bagi Langganan
Perkhidmatan Pengurusan Tunai & Perbankan Elektronik**

Lembaga Pengarah bagi _____ ["Syarikat"]

telah meluluskan resolusi berikut pada [Tarikh] _____

Adalah diputuskan:

1 Bahawa Syarikat dengan ini akan melanggan perkhidmatan berikut (ditandakan dengan "✓"):

- | | |
|--|---|
| ☐ Modul Pertanyaan Alliance BizSmart® | ☐ Kad Biz-Xpress |
| ☐ Modul Transaksi Alliance BizSmart® | ☐ Pemindahan Automatik |
| ☐ Lain-lain (sila nyatakan) _____ | |

(secara kolektifnya, "Perkhidmatan")

yang ditawarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (secara kolektif dan individu dirujuk sebagai "Bank") kepada pelanggannya, sebagaimana yang dinyatakan dalam salinan borang permohonan yang mentadbir perkhidmatan tersebut yang telah dilengkapkan sewajarnya, di mana kandungannya telah diambil maklum dan dengan ini diluluskan.

Untuk Alliance BizSmart®

2.(a) Bahawa Pengarah dan/atau pegawai yang ditetapkan di bawah ("Wakil yang Diberi Kuasa") dan bertindak menurut mandat yang ditetapkan di sini dan dengan ini diberi kuasa untuk dan bagi pihak Syarikat untuk melaksanakan yang berikut bagi langganan **Alliance BizSmart®**:

Butiran Wakil yang Diberi Kuasa	Tandatangan Contoh
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Mandat: ☐ Mana-mana ____ Pengarah/Pegawai di atas: ☐ Semua Pengarah/Pegawai di atas:	

Mod Penyelenggaraan Profil

- ☐ Untuk melantik yang berikut: (Diuruskan Sendiri)

Syarikat dengan ini memberi kebenaran kepada Wakil yang Diberi Kuasa untuk melantik Pentadbir Sistem (untuk mewujudkan Pengguna yang Dibenarkan bagi Alliance BizSmart®) dan Pelulus Sistem (untuk meluluskan pewujudan Pengguna yang Dibenarkan bagi Alliance BizSmart®) yang dikenal pasti dalam Borang Permohonan. Sekiranya Pentadbir Sistem dan/atau Pelulus Sistem perlu digantikan, Syarikat dengan ini memberi kebenaran kepada Wakil yang Diberi Kuasa untuk melantik pengganti personel tersebut dari semasa ke semasa dan pengganti personel tersebut mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai Pentadbir Sistem dan/atau Pelulus Sistem, bergantung kepada keadaan.

Pentadbir Sistem dan Pelulus Sistem mempunyai kuasa untuk melantik pengguna ("Pengguna yang Dibenarkan") bagi Perkhidmatan yang berkenaan, untuk menarik balik pelantikan Pengguna yang Dibenarkan dan untuk mengubah kuasa yang diberikan kepada Pengguna yang Dibenarkan.

- ☐ Untuk melantik dan memberi kuasa kepada Bank bagi melaksanakan yang berikut: (Diuruskan oleh Bank)

- Kebenaran untuk melantik pengguna bagi Perkhidmatan tersebut:
Bank diberi kuasa untuk melantik pengguna ("Pengguna yang Dibenarkan") bagi Perkhidmatan yang berkenaan dan untuk menarik balik pelantikan Pengguna yang Dibenarkan menurut arahan bertulis yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Wakil yang Diberi Kuasa bagi Syarikat.
- Menyelenggarakan had transaksi dan syarat menandatangani: Bank diberi kuasa untuk menyelenggarakan had transaksi dan syarat menandatangani yang ditetapkan dalam arahan bertulis yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Wakil yang Diberi Kuasa bagi Syarikat.

Bahawa Syarikat mengakui dan bersetuju bahawa menerusi pelantikan Pengguna yang Dibenarkan, Syarikat memberikan kebenaran kepada Pengguna yang Dibenarkan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan tersebut bagi pihak Syarikat, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penerimaan terma dan syarat, pengemukaan borang atau arahan, permohonan atau dokumen secara elektronik.

Untuk Kad Biz- Xpress dan/atau Pemindahan Automatik dan/atau Perkhidmatan lain

- 2.(b) Bahawa Pengarah dan/atau pegawai yang ditetapkan di bawah ("Wakil yang Diberi Kuasa") dan bertindak menurut mandat yang ditetapkan di sini adalah dan dengan ini adalah diberi kebenaran untuk dan bagi pihak Syarikat untuk melanggan **Kad Biz-Xpress dan/atau Pemindahan Automatik dan/atau Perkhidmatan lain yang dinyatakan di atas:**

Butiran Wakil yang Diberi Kuasa	Tandatangan Contoh
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Nama: Jawatan: No. KP:	
Mandat: ☐ Mana-mana _____ Pengarah/Pegawai di atas: ☐ Semua Pengarah/Pegawai di atas:	

3. Bahawa Syarikat mengakui dan bersetuju bahawa dengan pelantikan Wakil yang Diberi Kuasa, syarikat memberi kebenaran kepada Wakil yang Diberi Kuasa tersebut untuk melanggan mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank yang dinyatakan di atas menurut terma dan syarat bagi Perkhidmatan tersebut termasuklah sebarang pindaan dan penambahan yang dibuat terhadapnya oleh Bank dari semasa ke semasa, dan untuk menerima, mempersetujui dan/atau melaksanakan sebarang dan segala perjanjian, indemniti, borang, permohonan, dokumen dan terma dan syarat yang berkaitan dengan langganan, penggunaan atau penamatan Perkhidmatan tersebut, dan untuk mengeluarkan segala pemberitahuan dan arahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank berhubung dengan Perkhidmatan tersebut.
4. Bahawa Syarikat dengan ini menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Perkhidmatan tersebut.
5. Bahawa salinan Resolusi ini yang telah disahkan akan dikemukakan kepada Bank dan bahawa Resolusi ini akan kekal berkuat kuasa sehingga pemberitahuan bertulis yang menyatakan sebaliknya diberikan kepada Bank oleh Syarikat.

Kami yang bertandatangan di bawah, sebagai Pengarah-pengarah atau Pengarah dan Setiausaha Syarikat bagi Syarikat dengan ini mengakui bahawa resolusi yang disebut di atas telah diluluskan dengan sewajarnya menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat dan dimasukkan ke dalam buku minit Syarikat dan masih berkuat kuasa dan tidak melangkaui tujuan atau kuasa Syarikat atau kuasa Pengarah. Kami mengambil maklum bahawa Bank meletakkan kepercayaan sepenuhnya pada pengesahan resolusi yang disebut di atas dan menerima pengesahan kami sebagai bukti yang tidak boleh dipertikaikan bahawa ekstrak ini merupakan rekod yang benar dan tepat bagi resolusi Lembaga Pengarah Syarikat ini.

Bertarikh: _____

Ditandatangani oleh:

Pengerusi/Pengarah
Nama:

Setiausaha Syarikat
Nama: